

Pemuda UMNO digesa kuatkan jentera hadapi p-raya

KANGAR, Jumaat — Pergerakan Pemuda UMNO di seluruh negara diingatkan supaya memastikan setiap jentera dan strategi mereka sudah lengkap dan kuat untuk menghadapi pilihanraya umum.

Timbalan Menteri Pelajaran, Datuk Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin yang juga Ketua Pemuda UMNO Malaysia berkata, UMNO tidak khuatir untuk mencapai kemenangan dalam pilihanraya dan sanggup menghadapinya pada bila-bila masa.

Beliau mengingatkan demikian ketika berucap merasmikan khemah bina semangat dan kepimpinan di Tapian Gelanggang Tunku Abdul Rahman di sini semalam. Turut hadir ialah Menteri Besar Perlis, Haji Ali Ahmad.

Khemah tiga hari itu disertai oleh 150 peserta dari pemimpin-pemimpin pemuda UMNO dari cawangan-cawangan dalam Bahagian Kangar.

Tenaga bakti

Datuk Haji Suhaimi menyeru Pergerakan Pemuda UMNO di semua peringkat memperkuatkan lagi jentera masing-masing supaya lebih lengkap untuk membolehkan Barisan Nasional mencapai kemenangan yang mutlak.

Adalah menjadi tanggungjawab Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia untuk menyumbangkan tenaga bakti kepada semua calon-calon Barisan Nasional supaya mencapai kemenangan mutlak, ke-

rana tidak ada parti lain yang dapat mendokong kerajaan, katanya.

Untuk mencapai tujuan itu, Pemuda UMNO mestilah sentiasa menjaga dan memelihara kekukuhan serta perpaduan UMNO, kerana tanpa perpaduan segala konsep yang diraneang untuk kepentingan orang-orang Melayu akan pupus.

Datuk Haji Suhaimi yakin dengan adanya gerakan seperti khemah bina semangat itu akan dapat membentuk semangat waja di kalangan ahli-ahli pergerakan pemuda bagi mencapai tahap perjuangan yang lebih berjaya.

Sebelum itu, Ketua Pergerakan Pemuda UMNO Bahagian Kangar, Encik Mohd. Noor Bedah berkata, khemah bina semangat dan kepimpinan itu bertujuan menguatkan kefahaman politik dikalangan pemimpin-pemimpin Pemuda UMNO yang berkenaan. — Bernama